

**'Umno menang, MCA, MIC kalah'**  
**Malaysiakini.com**  
**October 22, 2010**

Mesyuarat agung Umno 2010 berlangsung hari kedua bagi memberikan peluang kepada pembahas mengambil peluang berkongsi pandangan mereka.

Berikut laporan langsung daripada Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur:

**12.41pm** Bacaan ayat al-Quran berkumandang di PWTC selepas persidangan ditangguhkan jam 12.30pm.

**12:14pm** Naib Ketua Pemuda Razali Ibrahim sedang berucap. Dalam masa yang sama, anggota parti itu mula bergerak meninggalkan PWTC perlahan-lahan memandangkan solat Jumaat semakin hampir.

**10.17am** Wakil Negeri Sembilan mencadangkan pengagihan kerusi pilihan raya antara komponen BN dikaji semula.

Ini kerana, katanya, kemerosotan undi BN dalam pilihan raya umum lalu "bukan kekalahan Umno" tetapi disebabkan oleh kelemahan MCA dan MIC.

**9.25am** Wakil Puteri berikrar mahu mendekati golongan muda lebih 3 juta orang yang mempunyai pengaruh besar dalam pilihan raya umum akan datang.

Katanya, menjadi cabaran besar kepada Puteri kerana golongan itu mempunyai "lenggok dan bahasa yang sama" tetapi mempunyai pendirian yang amat berbeza.

**8.30am** Wakil Sabah membuka pentas pagi ini.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/146052>